



KAEDAH PEMBAYARAN

Untuk kemudahan anda, kami menyediakan pelbagai kaedah pembayaran untuk pinjaman gadai janji anda.

| TARIKH PENTING PEMBAYARAN | | |
|---------------------------|------------------|-------------------|
| Status pinjaman | Jenis pembayaran | Tarikh akhir |
| Pengeluaran penuh | Ansuran bulanan | 1hb setiap bulan |
| Pengeluaran sebahagian | Faedah progresif | 14hb setiap bulan |

1) PINDAHAN DANA INTERNET /ELEKTRONIK / ANTARA BANK (GIRO)

Sila pastikan **AIA Bhd.** adalah **benefisiari** dan maklumat **rujukan adalah betul**. Jika tidak, pembayaran tidak akan diterima masuk. Akaun bank kami adalah dengan Maybank. Berikut adalah butiran yang perlu dilengkapkan :-

| | |
|--|------------------|
| Benefisiari/Penerima/Bank Kutipan | Maybank |
| Benefisiari>Nama Penerima | AIA Bhd. |
| Benefisiari/No. Akaun Penerima | 514011997003 |
| Benefisiari/Rujukan Penerima | 855xxxxxxxM |
| Jenis Transaksi | Bayaran pinjaman |

Pembayaran akan diterima masuk ke dalam akaun dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dengan syarat semua maklumat yang diperlukan adalah betul.

2) MAYBANK2U

1. Log masuk ke www.maybank2u.com
2. Pilih Pembayaran Bil
3. Pilih AIA Bhd. sebagai Nama Syarikat
4. Mohon TAC untuk meneruskan transaksi ini

maybank2u.com
Thursday, 28 May 2015 09:05:44
You are now in a secured site

Home Accounts & Banking Mobile Banking Investment Insurance Loans Apply Online Buy Online

All Accounts
All Cards
Bill Payment
Transfers
Fixed Deposits
Foreign Currency
Account
Rewards

Make a one-off payment - Step 1 of 4
Select the corporation you want to pay.
Now select the company
ALL PAYEE AIA Bhd

Continue or Go back

5. Masukkan No Akaun **tanpa** huruf 'M' pada ruang Nombor Polisi

maybank2u.com
Thursday, 28 May 2015 09:06:09
You are now in a secured site

Home Accounts & Banking Mobile Banking Investment Insurance Loans Apply Online Buy Online

All Accounts
All Cards
Bill Payment
Transfers
Fixed Deposits
Foreign Currency Account
Rewards

Make a one-off payment - Step 2 of 4
Enter your payment details

Amount: 1000 To: AIA Bhd
Policy Number: 8550000000
View sample

From Account: From Account: Effective date: Today Policyholder's name: MOHD SAIFUL

Continue or Go back

Tanpa 'M'

6. Cetak resit untuk menyimpan rekod transaksi pembayaran anda. AIA tidak akan mengeluarkan sebarang resit.

maybank2u.com

Open BillPayment

Status: **Successful**
Reference number: 2474931981
Transaction date: 28 May 2015 09:10:21

Amount: RM1000
From Account: 1234567890

Corporation name : AIA Bhd
Policy Number : 8550000000
Policyholder's name : MOHD SAIFUL

Note: This receipt is computer generated and no signature is required.

Paid via
m2u
maybank2u.com

Untuk sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan Maybank2u, sila hubungi **Pusat Panggilan Maybank Group di 03-2072 7788.**

Nota:

- Untuk memudahkan pembayaran seterusnya, tambahkan **AIA Bhd. sebagai "Penerima Bayaran Kegemaran" (Favourite Payee)**. Setelah ditambah, anda tidak lagi memerlukan TAC untuk bayaran seterusnya.
- Anda juga boleh **'Tambah Pembayaran Berulang' (Add Recurring Payment)** untuk mengautomatiskan pembayaran seterusnya.

3) PUSAT KHIDMAT PELANGGAN AIA

Semua jenis bayaran (**Ansuran Bulanan, Faedah Progresif, Faedah Penalti, Premium Insurans Empunya Rumah dan lain-lain caj**) secara wang tunai/cek boleh dibuat di mana-mana cawangan AIA. Juruwang kami dibuka dari 8.30 pagi hingga 4.30 petang dari hari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum. Resit rasmi akan dikeluarkan semasa pembayaran dan tarikh transaksi adalah tarikh pembayaran. Sila nyatakan jenis pembayaran seperti di atas.

Cek atau Draf Bank dibayar kepada **AIA Bhd.**

Nombor Pinjaman Gadai Janji 855XXXXXXM hendaklah ditulis di belakang cek.

4) DEBIT TERUS (MELALUI MAYBANK/PUBLIC BANK)

Borang Kebenaran Debit Terus (*Direct Debit*) perlu dilengkapkan dan diserahkan kepada Bahagian Pinjaman Gadai Janji AIA. Borang ini akan diserahkan kepada pihak Bank sebaik sahaja pengeluaran pinjaman telah dibuat. Sementara menunggu kelulusan pendaftaran transaksi Debit Terus oleh pihak Bank, anda perlu membayar ansuran bulanan pinjaman / bayaran faedah melalui mod pembayaran yang lain, jika tidak, pinjaman anda akan tertunggak. Kelulusan pendaftaran akan mengambil tempoh 2 minggu.

Transaksi Debit Terus akan dilakukan pada 5^{hb} setiap bulan. Sila pastikan amaun yang mencukupi telah diperuntukkan dalam akaun anda untuk membenarkan transaksi .

5) ARAHAN TETAP DENGAN MAYBANK – Ansuran Bulanan sahaja

Arahan tetap boleh dibuat dengan mana-mana cawangan Maybank.

Bayaran hendaklah dibuat kepada:-

| | |
|------------------------------|----------------|
| Bank | Maybank |
| No. Akaun Kutipan AIA | 5140 1199 7003 |
| No. Rujukan Pinjaman | 855XXXXXXX |

Sila pastikan nombor rujukan pinjaman gadai janji anda dinyatakan. Memandangkan ansuran bulanan dan faedah progresif yang masing-masingnya perlu dibayar pada setiap 1hb. dan 14hb., kami menasihatkan anda untuk membuat arahan tetap 10 HARI SEBELUM tarikh bayaran.

6) CAWANGAN MAYBANK

Transaksi bayaran kepada Akaun Kutipan AIA dengan cawangan Maybank boleh dilakukan di kaunter melalui cek atau wang tunai. Terdapat caj minimum sebanyak RM 2.00 bagi setiap transaksi. Sila nyatakan secara terperinci seperti di bawah.

| | |
|------------------------------|----------------|
| Penerima Bayaran | AIA Bhd. |
| No. Akaun Kutipan AIA | 5140 1199 7003 |
| No. Rujukan Pinjaman | 855XXXXXXX |

Nota: Caj yang dinyatakan mungkin berbeza dari masa ke semasa mengikut budi bicara Maybank.

7) CEK MELALUI MESIN DEPOSIT CEK (SAMPUL 'DROP-IN')

Cek hendaklah **dibayar kepada "AIA Bhd."**

Sila nyatakan butiran berikut di bahagian **belakang cek**:-

- (i) Akaun Kutipan AIA : 5140 1199 7003
- (ii) Nombor Rujukan Pinjaman : 855XXXXXXX
- (iii) Nama Peminjam : < Nama Peminjam >
- (iv) Nombor Telefon : < Nombor Telefon >

* Bayaran melalui cek akan dikira masuk selepas pelepasan cek. Cek akan tertakluk kepada yuran pelepasan, yuran komisen bagi cek luar kawasan, duti setem yang mana berkenaan.

JANGAN buat bayaran melalui Mesin Deposit Cek (imbasan) dan Mesin Deposit Tunai kerana kami tidak mempunyai sebarang pengaturan untuk saluran pembayaran tersebut.

Ambil perhatian:

Akaun Kutipan AIA dan nombor akaun pinjaman gadai janji anda (8552XXXXXX) hendaklah dinyatakan dengan jelas untuk memastikan pembayaran dikreditkan ke dalam akaun yang betul. Jika sebarang maklumat yang tertera di slip deposit bank, cek atau butiran kiriman dalam talian adalah tidak lengkap atau tidak tepat, transaksi tidak akan diproses oleh pihak Bank dan/atau boleh menyebabkan kelewatan dalam peruntukan atau pemindahan wang ke akaun anda.

AIA tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk sebarang kekurangan bayaran yang timbul daripada kegagalan untuk menyediakan atau atas sebarang kesilapan atau ketidaktepatan dalam nombor akaun kutipan dan/atau nombor rujukan yang dinyatakan oleh anda.

Jika anda memerlukan keterangan lanjut, sila hubungi pihak kami. Kami sedia membantu.

Meja Bantuan:

AIA Bhd.

Bahagian Gadai Janji (Mortgage Department)

Tingkat 8, Menara AIA, No. 99, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Careline: 1300 88 1899

Faks: 03-20563325

E-mel: my.loan@aia.com

PENYATA PINJAMAN DALAM TALIAN

Penyata pinjaman telah ditukar kepada e-penyata. Anda boleh mengakses penyata bulanan/setengah tahun/tahunan melalui portal MY AIA.

Untuk pendaftaran akaun MY AIA, sila ikuti langkah berikut:-

- 1) Log masuk ke www.aia.com.my atau <http://www.aia.com.my>
- 2) Pilih MY AIA dan pilih Pelanggan > log masuk
- 3) Klik "Daftar Sekarang"
- 4) Lengkapkan maklumat yang diperlukan untuk "Daftar untuk MY AIA"

Nota:

- Hanya peminjam utama (nama peminjam pertama yang dinyatakan dalam Surat Tawaran untuk peminjam bersama) boleh mengakses dan mencetak Penyata Pinjaman Gadai Janji melalui akaun MY AIA.
- Untuk mengakses dan melakukan transaksi polisi insurans yang telah diserahkan kepada AIA untuk tujuangadai janji, sila log masuk ke www.aia.net.my/MyService/ ID pengguna dan kata laluan adalah sama dengan akaun MY AIA anda.

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi kami di my.loan@aia.com.

Versi Julai 2020